

TAJUK: LAWATAN PEMANTAUAN PROJEK DEMONSTRASI AMALAN INDUSTRI HIJAU BAGI KILANG MINYAK KELAPA SAWIT MENTAH

1.0 Pengenalan

Lawatan pemantauan projek telah diadakan pada 12 Februari 2020, bertempat di Premis Demonstrasi Amalan Industri Hijau bagi Kilang Kelapa Sawit Mentah iaitu Kilang Minyak Kelapa Sawit Mentah (KKS) Tanah Merah (Sime Darby Berhad). Premis Demonstrasi ini dibangunkan di bawah projek Rancangan Malaysia Kesebelas. Tujuan lawatan adalah untuk membuat pemantauan dan mengadakan perbincangan sebagai persediaan untuk penganjuran program pembelajaran dan Lawatan Teknikal ke Projek Demonstrasi Amalan Industri Hijau Bagi Kilang Minyak Kelapa Sawit Mentah kepada kumpulan sasar Pegawai JAS. Lawatan dan perbincangan ini telah dihadiri oleh dua (2) orang pegawai Seksyen Industri Hijau, Bahagian Penguatkuasa JAS, dua (2) orang wakil Sirim Berhad selaku perunding projek dan bersama seorang wakil kilang KKS Tanah Merah (Penolong Pengurus).

2.0 Kandungan

Program dimulakan dengan taklimat operasi kilang dan prestasi semasa komponen pelaksanaan Opsyen Pengeluaran Bersih (CP) projek Amalan Industri Hijau iaitu Sistem Automatik *Header Blowdown* Dandang dan Kolam Takungan Pemeluwapan Stim Nyahhama (*Strilization Condensate Pit*). Secara umum prestasi kedua-dua komponen adalah memuaskan dan mencapai objektif projek. Seterusnya perbincangan ditumpukan kepada penetapan tarikh program pembelajaran dan pengisian aktiviti.

3.0 Kesimpulan

Lawatan pemantauan dan perbincangan berjalan dengan lancar dan semua pihak bersetuju untuk menetapkan tarikh bengkel pada 26 Mac 2020 dan pengisian Program adalah pembentangan tiga (3) kertas kerja oleh semua pihak yang terlibat dan lawatan teknikal ke KKS Tanah Merah yang merupakan premis demonstrasi Amalan Industri Hijau Bagi Kilang Kelapa Sawit Mentah.

Gambar foto



Gambar 1: Opsyen CP berkaitan *Sterilizer*



Gambar 2 : Opsyen CP berkaitan Kolam Takungan Pemeluwapan Stim Nyahhama
(*Sterilization Condensate Pit*)



Gambar 3 : Pemantauan Tapak Projek dan komponen berkaitan Opsyen CP



Gambar 4 : Sistem Kawalan Pencemaran Udara iaitu *Electrostatic Precipitators* (ESP) yang telah dipasang oleh pihak kilang



Gambar 5 : Kolam-kolam (system) Pengolahan Palm Oil Mill Effluent (POME) bagi KKS TM